| Jumlah Pulangan (%)           | 0.16                                               | 6.76                              | 4.80 | -0.88 | 3.19 | 8.75 |
| Penanda Aras (%) <sup>1</sup> | 0.04                                               | 4.97                              | 3.51 | 0.23  | 1.62 | 6.26 |

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

**Nota:**

- Pengiraan bagi penanda aras telah diselaraskan berdasarkan kombinasi penanda aras cipta-suai yang terkini.



*Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan, jika dibayar dan harga unit mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.*

#### **G. PENGAGIHAN PENDAPATAN**

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2018, ASN Imbang 2, ASN Equity 3 dan ASN Sara 1 belum lagi mengisytiharkan pendapatan.

#### **H. PERUBAHAN KETARA TERHADAP KEDUDUKAN TABUNG**

Sebagai inisiatif untuk mengukuhkan portfolio pelaburan tabung-tabung unit amanah ASNB, PNB telah merangka Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik (Strategic Asset Allocation Framework, "SAA"). Mulai 1 Mei 2018, strategi perumpukan aset dan penanda aras tabung akan diselaraskan sejajar dengan kategori Tabung dan strategi pelaburan yang baharu. Walaubagaimanapun, objektif pelaburan dan profil risiko Tabung tidak akan terjejas dengan perubahan ini. Dengan ini, para pelabur juga tidak akan terkesan dengan inisiatif yang dilaksanakan. Sila rujuk Prospektus Induk Tambahan Kedua yang telah didaftarkan ke Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 1 April 2018.

#### **I. SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT**

ASNB dan ASN Imbang 2, ASN Equity 3 dan ASN Sara 1 tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

#### **J. KOMISIYEN RINGAN**

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

### **III. LAPORAN PENGURUS**

#### **A. POLISI PELABURAN**

Polisi pelaburan tabung ASN Imbang 2, ASN Equity 3 dan ASN Sara 1 adalah untuk melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan terutamanya dalam sekuriti dan saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan bursa saham lain yang diiktiraf, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap dan pasaran wang serta lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang dibenarkan dalam Suratikatan.

#### **B. STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN KEWANGAN**

##### **i. Ekuiti**

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2018, strategi pelaburan ASN Imbang 2, ASN Equity 3 dan ASN Sara 1 ("Tabung") telah dilaksanakan dengan perumpukan aset antara ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap yang difikirkan wajar berdasarkan keadaan ekonomi dan pasaran modal global dan tempatan. Tumpuan lebih diberikan kepada ekuiti berbanding sekuriti berpendapatan tetap bagi menjana pulangan yang lebih tinggi dalam bentuk pulangan modal dan juga dividen, selaras dengan risiko pasaran yang diambil.

Pelaburan Tabung dalam ekuiti telah ditumpukan kepada sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang mempunyai asas yang kukuh dan prospek perniagaan yang cerah serta disokong

oleh permintaan domestik yang tegar dan juga kurang dipengaruhi oleh ketidaktentuan ekonomi global. Antara sektor yang menjadi tumpuan ialah sektor teknologi dan kepenggunaan. Pada masa yang sama, pelaburan ekuiti juga memberi penekanan pada sektor-sektor dan saham-saham yang mempunyai pulangan dividen yang kompetitif seperti sektor Dana Pelaburan Hartanah (REIT). Pelaburan di dalam sektor-sektor dan saham-saham tersebut membolehkan Tabung mencapai pulangan yang memuaskan.

## **ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai**

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 30 September 2018, Tabung telah meningkatkan pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap bagi meningkatkan kadar hasil daripada pasaran wang. Pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap dilakukan setelah pengurus Tabung melakukan analisa kredit. Purata kadar hasil bagi sekuriti-sekuriti berpendapatan tetap korporat yang dipegang adalah melebihi 4.6% untuk ketiga-tiga tabung, manakala purata penarafan kredit adalah lebih tinggi daripada sasaran minima penarafan kredit "A".

Selain bon korporat, ASN Sara 1 dan ASN Imbang 2 juga turut melabur di dalam sekuriti kerajaan Malaysia iaitu Malaysian Government Securities (MGS) dan Government Investment Issues (GI) yang mempunyai kecairan lebih tinggi berbanding korporat bon di samping menjaga keuntungan modal pada purata kadar hasil melebihi 4.00%. Pulangan pada kadar ini adalah lebih tinggi berbanding pasaran wang.

## **C. ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM**

Ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.5% pada suku kedua 2018 (suku pertama 2018: 5.4%). Permintaan dalam negeri meningkat sebanyak 5.6% pada suku kedua 2018 (suku pertama: 4.1%) disokong oleh peningkatan perbelanjaan sektor swasta sebanyak 8.0% (suku pertama: 6.9%) dan perbelanjaan sektor awam sebanyak 3.1% (suku pertama: 0.4%). Manakala, inflasi berada pada kadar 1.3% pada suku kedua 2018 (suku pertama: 1.8%) kesan daripada pemansuhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST) serta harga minyak petrol domestik yang lebih rendah.

Nilai mata wang Ringgit merosot sebanyak 7.11% untuk ditutup pada paras RM4.1383/USD pada 30 September 2018 berbanding paras RM3.8635/USD pada 31 Mac 2018. Dalam tempoh tinjauan, Ringgit telah mencatatkan paras terendah iaitu RM3.8620/USD pada 2 April 2018, manakala paras tertinggi adalah RM4.1477/USD pada 5 September 2018.

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 30 September 2018, pasaran saham negara-negara maju telah mencatatkan prestasi positif dipengaruhi oleh pemulihan pertumbuhan ekonomi mereka yang dapat dilihat daripada peningkatan pendapatan sektor korporat, peningkatan keyakinan pengguna dan kenaikan harga minyak mentah dunia. Harga minyak mentah dunia mencatatkan kenaikan sebanyak 17.72% daripada USD70.27 setong pada 31 Mac 2018 kepada USD82.72 setong pada 30 September 2018, hasil daripada usaha Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) yang bersetuju untuk melanjutkan pengurangan pengeluaran minyak sehingga Disember 2018 bagi mengatasi lebihan bekalan minyak global. Walaubagaimanapun, pasaran-parasan saham global terus mencatatkan ketidaktentuan yang tinggi berikutan ketegangan perdagangan yang berturutan antara Amerika Syarikat dan China

Di samping itu, kadar Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Reserve) yang dijangka meningkat sebanyak 4 kali untuk tahun 2018 telah menyebabkan peningkatan aliran keluar dana asing dari pasaran negara sedang membangun bagi meraih manfaat daripada minat yang meningkat dalam pasaran saham Amerika Syarikat (AS).

Sejajar dengan aliran keluar dana ke negara AS, kesemua indeks utama di rantau ASEAN mencatatkan penurunan dengan indeks Filipina (PCOMP) mencatatkan prestasi terburuk dengan penurunan sebanyak 8.81% dalam tempoh tinjauan. Ini diikuti dengan indeks Singapura (STI), Malaysia (KLCI) Indonesia (JTI) dan Thailand (SET) yang masing-masing mencatatkan penurunan indeks sebanyak 4.99%, 3.77%, 3.43% dan 1.12%.

penurunan indeks sebanyak 4.99%, 3.77%, 3.43% dan 1.12%. Bagi negara Asia yang lain, indeks Jepun (NI225) mencatatkan prestasi terbaik dengan kenaikan sebanyak 12.43% manakala indeks China (SSE) mencatatkan prestasi terburuk dengan penurunan sebanyak 10.97%.

Penanda aras utama Bursa Malaysia iaitu Financial Times Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) telah mencatatkan penurunan sebanyak 70.31 mata atau 3.77% untuk ditutup pada paras 1,793.15 mata pada 30 September 2018, berbanding 1,863.46 mata yang dicatatkan pada 31 Mac 2018. Bagi tempoh yang sama, FBM KLCI telah mencatatkan paras tertinggi 1,895.18 mata pada 19 April 2018, manakala paras terendah 1,663.86 mata telah dicatatkan pada 6 Julai 2018. Dari paras tertinggi tersebut, FBM KLCI telah merosot sebanyak 5.38% pada penghujung tempoh tinjauan sejajar dengan prestasi pasaran seluruh dunia yang mengalami kemerosotan mendadak pada bulan Mei 2018 ekoran penarikan keluar dana asing dari rantau ini. Pada bulan Mei dan Jun 2018, aliran keluar dana asing adalah sebanyak USD1,413.3 juta dan USD1,232.0 juta. Walau bagaimanapun, aliran dana asing telah kembali positif dalam bulan September 2018 berikutan prestasi positif pasaran tempatan dengan aliran masuk sebanyak USD16.3 juta.

Kebanyakan penanda aras sektor dalam pasaran saham Bursa Malaysia mencatatkan penurunan. Sektor pembinaan mencatatkan penurunan yang ketara sebanyak 29.59%, diikuti dengan sektor perlombongan sebanyak 17.62% dan sektor hartanah sebanyak 8.04%. Sektor-sektor yang mencatatkan peningkatan adalah sektor teknologi dengan kenaikan sebanyak 27.02%, diikuti dengan sektor dana pelaburan hartanah (REIT) sebanyak 7.50% dan sektor barangan industri sebanyak 3.55%. Antara saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan kenaikan yang tinggi dalam tempoh tinjauan adalah Petronas Chemicals Group Berhad (16.53%), Hartalega Holdings Berhad (11.05%) dan Hong Leong Bank Berhad (+10.05%). Sementara itu, saham-saham yang telah mencatatkan penurunan yang ketara adalah Telekom Malaysia Berhad (-38.20%), YTL Corporation Berhad (-20.90%) dan Astro Malaysia Holdings Berhad (19.74%).

#### **D. ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR FAEDAH**

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 30 September, 2018, Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) telah dikekalkan pada kadar 3.25% oleh Jawatankuasa Dasar Kewangan (Monetary Policy Committee, MPC) BNM. Sejalan dengan peningkatan ini, Kadar Kuala Lumpur Interbank Offered Rates (KLIBOR) 3-bulan telah meningkat kepada 3.69%, manakala kadar deposit tetap 12-bulan telah naik kepada 3.33%.

Pasaran modal negara terus mencatat aliran keluar portfolio pelabur asing berikutan perkembangan global semasa. Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS), telah mencatatkan peningkatan dalam tempoh yang sama. Kadar hasil MGS 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun telah ditutup lebih tinggi pada 3.59%, 3.81% dan 4.09%, masing-masing meningkat sebanyak 22, 21 dan 11 mata asas bagi tempoh tersebut.

Sementara itu, kadar hasil sekuriti bon korporat bertaraf AA dan AAA berjangka sederhana dan panjang di antara 5 hingga 10 tahun telah mencatatkan penurunan kadar hasil antara 3 hingga 14 mata asas disebabkan aktiviti pembelian yang aktif di pasaran sekunder oleh para pelabur berikutan kelembapan penyenaian baru di pasaran primer selepas pilihanraya umum ke-14.

#### **F. STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN**

Pengurus tabung ASN Imbang 2, ASN Equity 3 dan ASN Sara 1 ("Tabung") akan sentiasa mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala mengikut keperluan semasa bagi mengekalkan keupayaan tabung untuk mengagihkan kadar pengagihan pendapatan yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit dan mengekalkan modal jangka panjang dengan mengambil kira keadaan ekonomi dan juga persekitaran pelaburan yang sentiasa berubah. Dari segi perumpukan aset, ASN Equity 3 akan memberikan lebih tumpuan kepada ekuiti sejajar dengan objektif tabung. ASN Imbang 2 pula memberi perumpukan yang seimbang

diantara ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap manakala ASN Sara 1 akan memberi tumpuan lebih kepada sekuriti berpendapatan tetap berbanding ekuiti.

#### **i. Ekuiti**

Bagi tahun kewangan berikutnya, strategi pelaburan Tabung akan memberi fokus kepada saham-saham di dalam sektor-sektor yang dijangka dapat memberikan pulangan yang baik, disamping mengekalkan perumpukan aset yang aktif. Pelaburan Tabung dalam ekuiti akan dilakukan secara selektif, berdasarkan analisa yang telah dibuat ke atas syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia bagi mengenal pasti saham syarikat-syarikat yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh dan diniagakan di bawah harga wajar.

Berdasarkan prospek ekonomi, prestasi syarikat dan juga tema pelaburan semasa antara faktor yang dapat memberi pulangan memberangsangkan ialah faktor pengukuhan nilai dolar Amerika yang akan menguntungkan syarikat-syarikat pengekspor daripada sektor teknologi dan sektor pengeluar sarung tangan getah. Selain itu, sektor tenaga turut mendapat manfaat daripada kenaikan harga minyak global. Sektor kepenggunaan juga menjadi tumpuan kerana bersifat defensif di samping fundamental yang stabil serta pembayaran dividen yang konsisten.

#### **ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai**

Selain untuk mempelbagaikan aset di dalam portfolio, Tabung akan terus meningkatkan pelaburan di dalam sekuriti berpendapatan tetap yang mempunyai kadar hasil yang lebih tinggi daripada pasaran wang. Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang dibuat dengan pemilihan instrumen-instrumen yang bermutu seperti sekuriti hutang swasta jangka masa sederhana dan sekuriti Islam berpendapatan tetap di dalam sektor yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan prospek masa hadapan yang baik. Pelaburan dalam aset-aset ini akan mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh Tabung.

Pelaburan juga akan dibuat di dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia memandangkan kadar hasil semasa memberi peluang kepada dana untuk membeli sekuriti pada tahap yang lebih menarik berbanding dengan kadar deposit. Pelaburan dalam pasaran wang dan sekuriti berpendapatan tetap dapat mengimbangi secara efektif keseluruhan risiko dan pulangan dalam portfolio.

Pengurus dana Tabung akan sentiasa mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dan mengikut keperluan semasa bagi mengekalkan keupayaan Tabung untuk memberikan pulangan yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit dan mengekalkan modal jangka panjang.

#### **IV. PENYATA PENGURUS**

Kepada Pemegang-pemegang Unit  
**ASN Imbang 2, ASN Equity 3 dan ASN Sara 1**

Kami, sebagai Pengarah kepada Amanah Saham Nasional Berhad, iaitu Pengurus kepada ASN Imbang 2, ASN Equity 3 dan ASN Sara 1 ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah ini, bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2018, berserta dengan nota-nota yang dilampirkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Laporan Kewangan MFRS 134 Interim di Malaysia, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 September 2018, dan prestasi kewangannya, serta aliran tunai bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Amanah Saham Nasional Berhad selaku Pengurus kepada Unit Amanah menurut resolusi para Pengarah bertarikh 22 November 2018.

**TAN SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ**  
Pengerusi

**DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD**  
Pengarah

Kuala Lumpur  
22 November 2018

## **V. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH**

Kepada Pemegang-pemegang Unit  
**ASN Imbang 2, ASN Equity 3 dan ASN Sara 1**

Kami, AmanahRaya Trustee Berhad telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada ASN Imbang 2, ASN Equity 3 dan ASN Sara 1 bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 30 September 2018. Pada pendapat kami, Amanah Saham Nasional Berhad, selaku Pengurus, telah melaksanakan dan mengurus ASN Imbang 2, ASN Equity 3 dan ASN Sara 1 selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus mengikut Suratikatan, undang-undang sekuriti dan Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada ASN Imbang 2, ASN Equity 3 dan ASN Sara 1 bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 30 September 2018.

Kami juga berpendapat bahawa:

- a) Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalselia; dan
- b) Penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaran dengan Suratikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Yang benar,  
**AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

**HABSAH BINTI BAKAR**  
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia  
26 November 2018

## **VI. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN IMBANG 2, ASN EQUITY 3 DAN ASN SARA 1**

### **Laporan Penyata Kewangan**

Kami telah mengaudit penyata kewangan ASN Imbang 2, ASN Equity 3 dan ASN Sara 1 ("Unit Amanah"), yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2018, Penyata Untung atau Rugi, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan, yang dibentangkan pada muka surat 20 hingga 80.

### **Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap laporan kewangan**

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Laporan Kewangan MFRS 134: Interim Financial Reporting ("MFRS 134"). Tanggungjawab ini termasuk: penyediaan, perlaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah; memilih dan melaksanakan polisi perakaunan yang bersesuaian; dan membuat anggaran perakaunan yang bersesuaian berdasarkan situasi semasa. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

### **Tanggungjawab Juruaudit**

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan tersebut berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit menurut Piawaian Pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan ini bebas dari kesilapan yang material.

Audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih adalah berdasarkan kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian keatas risiko kesilapan yang material pada penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh pecah amanah atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko terbabit, kami mengambil kira kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan Unit Amanah yang memberi gambaran yang benar dan saksama, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah. Audit juga termasuk menilai prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Pengurus Unit Amanah, di samping menilai gambaran keseluruhan yang diberikan oleh penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti-bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi untuk memberikan asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

### **Pendapat**

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut MFRS 134 bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 September 2018, dan prestasi kewangannya, serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

### **Lain-lain perkara**

Laporan ini disediakan hanya kepada pemegang-pemegang Unit Amanah sebagai sebuah badan, dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

Hanafiah Raslan & Mohamad  
AF: 0002  
Akauntan Bertauliah

Muhammad Syarizal bin Abdul Rahim  
No.3157/01/2019(JJ)  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia  
22 November 2018

## VII. PENYATA KEWANGAN

### A. PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TEMPOH KEWANGAN ENAM BULAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2018 - ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 2

| Nota                                                         | Tempoh enam<br>bulan berakhir<br>30.09.2018<br>RM | Tempoh enam<br>bulan berakhir<br>30.09.2017<br>RM |
|--------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------|---------------------------------------------------|
| <b>PENDAPATAN</b>                                            |                                                   |                                                   |
| Pendapatan dari pasaran wang dan sekuriti tetap              | 11,434,964                                        | 6,971,849                                         |
| Pendapatan dividen                                           | 12,374,079                                        | 11,060,098                                        |
| Pendapatan ternyata daripada penjualan<br>pelaburan (FVTPL)  | 4,142,191                                         | 6,768,939                                         |
|                                                              | <u>13,419,898</u>                                 | <u>25,784,317</u>                                 |
| <b>PERBELANJAAN</b>                                          |                                                   |                                                   |
| Yuran pengurus                                               | 4 5,889,847                                       | 4,589,312                                         |
| Yuran pemegang amanah                                        | 5 225,000                                         | 225,000                                           |
| Ganjaran juruaudit                                           | 15,333                                            | 13,333                                            |
| Yuran ejen cukai                                             | 1,600                                             | 1,600                                             |
| Perbelanjaan pentadbiran                                     | 847,165                                           | 1,378,283                                         |
|                                                              | <u>6,978,945</u>                                  | <u>6,207,528</u>                                  |
| <b>PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI</b>                       | 6,440,953                                         | 19,576,789                                        |
| <b>CUKAI</b>                                                 | -                                                 | -                                                 |
| <b>PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI</b>                       | <u>6,440,953</u>                                  | <u>19,576,789</u>                                 |
| Pendapatan bersih selepas cukai terdiri<br>daripada berikut: |                                                   |                                                   |
| Ternyata                                                     | 21,000,606                                        | 18,606,544                                        |
| Tidak ternyata                                               | (14,559,653)                                      | 970,245                                           |
|                                                              | <u>6,440,953</u>                                  | <u>19,576,789</u>                                 |

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**A. PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TEMPOH KEWANGAN ENAM BULAN BERAKHIR  
30 SEPTEMBER 2018 - ASN EQUITY 3**

| Nota                                                         | Tempoh enam<br>bulan berakhir<br>30.09.2018<br>RM | Tempoh enam<br>bulan berakhir<br>30.09.2017<br>RM |
|--------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------|---------------------------------------------------|
|                                                              |                                                   |                                                   |
| <b>PENDAPATAN</b>                                            |                                                   |                                                   |
| Pendapatan dari pasaran wang dan sekuriti tetap              | 10,314,641                                        | 9,883,825                                         |
| Pendapatan dividen                                           | 35,859,728                                        | 24,712,957                                        |
| Pendapatan ternyata daripada penjualan<br>pelaburan (FVTPL)  | 1,838,394                                         | 8,509,520                                         |
|                                                              | <u>42,524,239</u>                                 | <u>47,624,008</u>                                 |
| <b>PERBELANJAAN</b>                                          |                                                   |                                                   |
| Yuran pengurus                                               | 4 11,121,295                                      | 9,109,463                                         |
| Yuran pemegang amanah                                        | 5 225,000                                         | 225,000                                           |
| Ganjaran juruaudit                                           | 15,333                                            | 13,333                                            |
| Yuran ejen cukai                                             | 1,600                                             | 1,600                                             |
| Perbelanjaan pentadbiran                                     | 3,031,933                                         | 1,902,178                                         |
|                                                              | <u>14,395,161</u>                                 | <u>11,251,574</u>                                 |
| <b>PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI</b>                       | 28,129,078                                        | 36,372,434                                        |
| <b>CUKAI</b>                                                 | 6 -                                               | -                                                 |
| <b>PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI</b>                       | <u>28,129,078</u>                                 | <u>36,372,434</u>                                 |
| Pendapatan bersih selepas cukai terdiri<br>daripada berikut: |                                                   |                                                   |
| Ternyata                                                     | 33,617,602                                        | 31,854,728                                        |
| Tidak ternyata                                               | (5,488,524)                                       | 4,517,706                                         |
|                                                              | <u>28,129,078</u>                                 | <u>36,372,434</u>                                 |

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**A. PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TEMPOH KEWANGAN ENAM BULAN BERAKHIR  
30 SEPTEMBER 2018 – ASN SARA 1**

|                                                                              | <b>Nota</b> | <b>Tempoh enam<br/>bulan berakhir<br/>30.09.2018<br/>RM</b> | <b>Tempoh enam<br/>bulan berakhir<br/>30.09.2017<br/>RM</b> |
|------------------------------------------------------------------------------|-------------|-------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------|
| <b>PENDAPATAN</b>                                                            |             |                                                             |                                                             |
| Pendapatan dari pasaran wang dan sekuriti tetap                              |             | 20,926,878                                                  | 5,909,707                                                   |
| Pendapatan dividen                                                           |             | 9,494,367                                                   | 6,766,522                                                   |
| Pendapatan ternyata daripada penjualan pelaburan (FVTPL)                     |             | (1,488,698)                                                 | 3,325,281                                                   |
| Pendapatan tidak ternyata daripada perubahan nilai saksama pelaburan (FVTPL) |             | 2,287,033                                                   | 1,921,287                                                   |
|                                                                              |             | <u>31,219,580</u>                                           | <u>17,922,797</u>                                           |
| <b>PERBELANJAAN</b>                                                          |             |                                                             |                                                             |
| Yuran pengurus                                                               | 4           | 7,338,379                                                   | 3,330,645                                                   |
| Yuran pemegang amanah                                                        | 5           | 225,000                                                     | 225,000                                                     |
| Ganjaran juruaudit                                                           |             | 15,333                                                      | 13,333                                                      |
| Yuran ejen cukai                                                             |             | 1,600                                                       | 1,600                                                       |
| Perbelanjaan pentadbiran                                                     |             | 1,031,616                                                   | 958,241                                                     |
|                                                                              |             | <u>8,611,928</u>                                            | <u>4,528,819</u>                                            |
| <b>PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI</b>                                       |             | <u>22,607,652</u>                                           | <u>13,393,978</u>                                           |
| <b>CUKAI</b>                                                                 | 6           | -                                                           | -                                                           |
| <b>PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI</b>                                       |             | <u>22,607,652</u>                                           | <u>13,393,978</u>                                           |
| Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:                    |             |                                                             |                                                             |
| Ternyata                                                                     |             | 20,320,619                                                  | 11,472,691                                                  |
| Tidak ternyata                                                               |             | 2,287,033                                                   | 1,921,287                                                   |
|                                                                              |             | <u>22,607,652</u>                                           | <u>13,393,978</u>                                           |

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**B. PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TEMPOH KEWANGAN ENAM BULAN BERAKHIR  
30 SEPTEMBER 2018 – ASN IMBANG 2**

| Nota                                                                             | Tempoh enam<br>bulan berakhir<br>30.09.2018<br>RM | Tempoh enam<br>bulan berakhir<br>30.09.2017<br>RM |
|----------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------|---------------------------------------------------|
| <b>PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI</b>                                           | <b>6,440,953</b>                                  | <b>19,576,789</b>                                 |
| <b>Lain-lain pendapatan komprehensif</b>                                         |                                                   |                                                   |
| Pendapatan ternyata daripada penjualan<br>pelaburan (FVTOCI)                     | 12,935,935                                        | 11,650,241                                        |
| Pendapatan tidak ternyata daripada perubahan<br>nilai saksama pelaburan (FVTOCI) | (24,288,988)                                      | (1,099,265)                                       |
| <b>JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF<br/>BAGI TEMPOH SEMASA</b>                     | <b>(4,912,100)</b>                                | <b>30,127,765</b>                                 |
| Lain-lain (kerugian)/ pendapatan komprehensif terdiri<br>daripada berikut:       |                                                   |                                                   |
| Ternyata                                                                         | 33,936,541                                        | 30,256,785                                        |
| Tidak ternyata                                                                   | (38,848,641)                                      | (129,020)                                         |
|                                                                                  | <b>(4,912,100)</b>                                | <b>30,127,765</b>                                 |

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**B. PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TEMPOH KEWANGAN ENAM BULAN BERAKHIR  
30 SEPTEMBER 2018 – ASN EQUITY 3**

| <b>Nota</b>                                                                      | <b>Tempoh enam<br/>bulan berakhir<br/>30.09.2018<br/>RM</b> | <b>Tempoh enam<br/>bulan berakhir<br/>30.09.2017<br/>RM</b> |
|----------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------|
| <b>PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI</b>                                           | <b>28,129,078</b>                                           | <b>36,372,434</b>                                           |
| <b>Lain-lain pendapatan komprehensif</b>                                         |                                                             |                                                             |
| Pendapatan ternyata daripada penjualan<br>pelaburan (FVTOCI)                     | 39,216,083                                                  | 25,056,416                                                  |
| Pendapatan tidak ternyata daripada perubahan<br>nilai saksama pelaburan (FVTOCI) | (89,033,868)                                                | 12,476,487                                                  |
| <b>JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF<br/>BAGI TEMPOH SEMASA</b>                     | <b>(21,688,707)</b>                                         | <b>73,905,337</b>                                           |
| Lain-lain (kerugian)/ pendapatan komprehensif terdiri<br>daripada berikut:       |                                                             |                                                             |
| Ternyata                                                                         | 72,833,685                                                  | 56,911,144                                                  |
| Tidak ternyata                                                                   | (94,522,392)                                                | 16,994,193                                                  |
|                                                                                  | <b>(21,688,707)</b>                                         | <b>73,905,337</b>                                           |

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**B. PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TEMPOH KEWANGAN ENAM BULAN BERAKHIR  
30 SEPTEMBER 2018 – ASN SARA 1**

| <b>Nota</b>                                                                      | <b>Tempoh enam<br/>bulan berakhir<br/>30.09.2018<br/>RM</b> | <b>Tempoh enam<br/>bulan berakhir<br/>30.09.2017<br/>RM</b> |
|----------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------|
| <b>PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI</b>                                           | <b>22,607,652</b>                                           | <b>13,393,978</b>                                           |
| <b>Lain-lain pendapatan komprehensif</b>                                         |                                                             |                                                             |
| Pendapatan ternyata daripada penjualan<br>pelaburan (FVTOCI)                     | 10,796,953                                                  | 9,407,738                                                   |
| Pendapatan tidak ternyata daripada perubahan<br>nilai saksama pelaburan (FVTOCI) | (28,749,362)                                                | 4,223,449                                                   |
| <b>JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF<br/>BAGI TEMPOH SEMASA</b>                     | <b>4,655,243</b>                                            | <b>27,025,165</b>                                           |
| Lain-lain pendapatan komprehensif terdiri<br>daripada berikut:                   |                                                             |                                                             |
| Ternyata                                                                         | 31,117,571                                                  | 20,880,429                                                  |
| Tidak ternyata                                                                   | (26,462,329)                                                | 6,144,736                                                   |
|                                                                                  | <b>4,655,243</b>                                            | <b>27,025,165</b>                                           |

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**C. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 30 SEPTEMBER 2018**  
**- ASN IMBANG 2**

|                                                                                 | <b>Nota</b> | <b>30.09.2018<br/>RM</b> | <b>31.03.2018<br/>RM</b> |
|---------------------------------------------------------------------------------|-------------|--------------------------|--------------------------|
| <b>ASET</b>                                                                     |             |                          |                          |
| Pelaburan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI) | 7           | 521,962,820              | 571,129,339              |
| Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FIVPL)                   | 8           | 430,811,862              | 378,661,239              |
| Deposit dengan institusi kewangan                                               | 9           | 255,103,058              | 211,095,068              |
| Tuntutan cukai                                                                  |             | 630,495                  | 541,093                  |
| Pendapatan belum diterima                                                       | 10          | 7,670,300                | 5,741,097                |
| Jumlah terhutang daripada broker saham                                          |             | 1,076,787                | 2,111,192                |
| Jumlah terhutang daripada PNB                                                   | 11          | 1,559,580                | -                        |
| Tunai di bank                                                                   |             | 65,512                   | 3,000                    |
| <b>JUMLAH ASET</b>                                                              |             | <b>1,218,880,414</b>     | <b>1,169,282,028</b>     |
| <b>LIABILITI</b>                                                                |             |                          |                          |
| Peruntukan pengagihan                                                           |             | -                        | 54,493,392               |
| Jumlah terhutang kepada broker saham                                            |             | 186,433                  | 1,205,554                |
| Jumlah terhutang kepada pengurus                                                |             | 994,372                  | 1,038,740                |
| Pelbagai pemiutang                                                              |             | 383,397                  | 365,700                  |
| Jumlah terhutang dari PNB                                                       |             | 780,640                  | -                        |
| <b>JUMLAH LIABILITI</b>                                                         |             | <b>2,344,842</b>         | <b>57,103,386</b>        |
| <b>NILAI ASET BERSIH UNIT AMANAH</b>                                            |             | <b>1,216,535,572</b>     | <b>1,112,178,642</b>     |
| <b>EKUITI</b>                                                                   |             |                          |                          |
| Modal pemegang unit                                                             | 12          | 1,215,300,825            | 1,106,031,795            |
| Rizab                                                                           |             | 1,234,747                | 6,146,847                |
| <b>JUMLAH EKUITI/NILAI ASSET BERSIH UNTUK PEMEGANG UNIT</b>                     |             | <b>1,216,535,572</b>     | <b>1,112,178,642</b>     |
| <b>UNIT DALAM EDARAN</b>                                                        | 12          | <b>1,247,779,000</b>     | <b>1,135,279,000</b>     |
| <b>NILAI ASET BERSIH SEUNIT</b>                                                 |             | <b>0.9750</b>            | <b>0.9797</b>            |

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**C. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 30 SEPTEMBER 2018**  
**- ASN EQUITY 3**

|                                                                                 | <b>Nota</b> | <b>30.09.2018<br/>RM</b> | <b>31.03.2018<br/>RM</b> |
|---------------------------------------------------------------------------------|-------------|--------------------------|--------------------------|
| <b>ASET</b>                                                                     |             |                          |                          |
| Pelaburan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI) | 7           | 1,681,487,071            | 1,362,459,765            |
| Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FVPL)                    | 8           | 402,256,707              | 244,341,234              |
| Depositi dengan institusi kewangan                                              | 9           | 360,201,828              | 457,076,345              |
| Tuntutan cukai                                                                  |             | 1,143,111                | 957,931                  |
| Pendapatan belum diterima                                                       | 10          | 14,539,194               | 8,109,600                |
| Jumlah terhutang daripada broker saham                                          |             | 22,859,739               | -                        |
| Jumlah terhutang daripada PNB                                                   | 11          | 7,391,520                | -                        |
| Tunai di bank                                                                   |             | 3,000                    | 3,000                    |
